

bulletin



**UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

# PERPUSTAKAAN

<http://library.utem.edu.my>

ISSN 2180 - 4095

Bil.1/2014



**Bengkel Blue Ocean Strategy**

**Audit Pemantauan**

**Kaedah Perolehan Bahan**

## **FOKUS : GOTONG ROYONG PERPUSTAKAAN**



## Dari Meja Ketua Pustakawan

Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinan-NYA memberi kesempatan kepada sidang redaksi Buletin Perpustakaan UTeM merealisasikan penerbitan ini. Sesungguhnya untuk mengekalkan penerbitan berkala seperti ini merupakan cabaran besar kepada sidang redaksi. Tanpa sokongan dari semua pihak, maka adalah sukar untuk melaksanakan tugas dengan sempurna. Ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi di atas segala usaha dalam menerbitkan Buletin Perpustakaan UTeM ini.

Perpustakaan UTeM yang ditubuhkan pada 2001 terus mempergiatkan inisiatif strategik sebagai nadi kepada gedung ilmu mahasiswa dan warga universiti. Sepanjang tempoh 13 tahun penubuhannya, Perpustakaan UTeM telah mengalami fasa pembaharuan dan kemajuan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Pembangunan Perpustakaan UTeM meliputi pelbagai aspek iaitu fizikal, aplikasi sistem serta jenis perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan kepada pengguna. Sepanjang tahun 2014, beberapa inisiatif yang akan dan sedang dilaksanakan untuk menyediakan lebih banyak pilihan perkhidmatan dan kemudahan untuk pengguna.

Justeru itu, dalam merealisasikan fungsi perpustakaan sebagai pusat penyediaan dan penyampaian maklumat yang benar serta mewujudkan hubungan baik dengan umum bagi membantu melahirkan warga yang berilmu dan berkemampuan tinggi dalam sesebuah organisasi, penerbitan bulletin dilihat sebagai langkah pendokumentasian dalam penyampaian maklumat yang berkesan.

Akhir kata, saya berharap agar sudi-sudikanlah untuk membuka ruang tengah buletin ini dan melihat seribu cerita mengikut tafsiran mata yang melihat.

Sekian, terima kasih.

*Penasihat*

**HJH. FARIDAH HJ. MD. AMIN  
KETUA PUSTAKAWAN**

## Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum wrt. wbt. dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-NYA Buletin Perpustakaan UTeM dapat direalisasikan untuk sekian kalinya.

Perpustakaan UTeM sentiasa bergerak maju dan menjalankan pelbagai aktiviti dalam memenuhi visi, misi dan objektif Perpustakaan. Dengan penerbitan Buletin Perpustakaan UTeM ini, warga Perpustakaan mengharapkan ianya menjadi wadah penyalur maklumat di samping berkongsi aktiviti-aktiviti dikalangan warga universiti. Tidak ketinggalan juga sebagai pemangkin kepada mempromosikan aktiviti-aktiviti ilmiah dan wacana ilmu yang berjaya dilaksanakan.

Akhir kalam, setinggi-tinggi penghargaan buat Ketua Pustakawan, Sidang Redaksi dan semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buletin kali ini.

Tahniah dan Syabas

- MOHD MAWARDI BADRUDDIN

## Kandungan

<b>Ruang Kreatif</b>	3
<b>Fokus: Gotong-royong</b>	4 & 5
<b>Bahagian Pentadbiran</b>	6 & 7
<b>Sorotan Peristiwa</b>	8 & 9
<b>Bahagian Perolehan</b>	10
<b>Bahagian Pengindeksan</b>	11
<b>Bahagian Rujukan</b>	12
<b>Bahagian Sirkulasi</b>	13
<b>Perpustakaan Cawangan</b>	14
<b>Program Semasa</b>	15

## Sidang Redaksi

**Penasihat**  
Puan Hjh Faridah Hj. Md. Amin

**Ketua Editor**  
Mohd Mawardi Badruddin

**Setiausaha**  
Siti Syahirah Ab Rahim

**Pengarang**  
Hasliza Mohamed  
Noraini Mohd Noor  
Harulrizam Ghazali@Mohamed  
Norshahila Che Din

**Grafik & Reka Bentuk**  
Mohd Siddiq Azizi Jais  
Mohd Syahrizal Mohd Razali  
Nor Ridzuan S. Kasehan

**Jurufoto**  
M Jefridzain Jaa'far

**Pembaca Prof**  
Mahadir Che Ali

[ The role of academic libraries is changing to provide the competitive advantage for the parent university-a factor that is crucial to both staff and students." (Foo et al, 2001) ]



## KEJAYAAN PERPUSTAKAAN AKADEMIK: SATU PANDANGAN

**P**erpustakaan pada zaman generasi Y perlu bersedia menghadapi transformasi seiring dengan ledakan teknologi yang sentiasa berubah. Peranan perpustakaan akademik secara konvensional tidak lagi relevan di era ini atau dianggap ketinggalan zaman. Menurut kajian oleh Foo et al 2001 menyatakan bahawa "The role of academic libraries is changing to provide the competitive advantage for the parent university-a factor that is crucial to both staff and students." (Foo et al, 2001). Setiap Perpustakaan Akademik tidak dapat dipisahkan dengan visi, misi dan objektif universiti dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Antara faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan Perpustakaan Akademik di persada dunia iaitu teknologi dan sumber manusia.:-

### Teknologi

Faktor teknologi telah mengubah peranan Perpustakaan menjadi lebih relevan kepada pengguna generasi Y yang sinonim dengan gajet dan tablet seperti telefon pintar, iPad dan sebagainya. Teknologi yang terkini amat membantu pengguna Perpustakaan mengakses maklumat 24/7 di mana sahaja tanpa perlu datang ke Perpustakaan. Maklumat dan koleksi yang banyak di Perpustakaan Akademik dapat diuruskan dengan kompeten oleh Sistem Maklumat Bersepadu Perpustakaan atau pangkalan data khusus untuk Perpustakaan. Sistem ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna di hujung jari tetapi juga dapat menjimatkan masa pengguna. Penggunaan teknologi RFID, Web 2.0, Intelligent gate, e-library, e-mobile, e-book, e-journal, wifi, open source, mobile delivery, online database, Institutional Repository (IR) dan sebagainya memberi impak yang besar dalam menyokong aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan universiti.

### Sumber Manusia

Faktor ini merujuk kepada staf yang terlibat secara langsung kepada perkhidmatan Perpustakaan. Aspek kemahiran, kreativiti dan inovasi serta pengetahuan staf yang luas amat membantu kejayaan Perpustakaan Akademik. Kemahiran yang pelbagai (multiskills) dan sentiasa mahu berubah seiring dengan teknologi terkini. Staf Perpustakaan perlu prihatin dan mempunyai jaringan hubungan komunikasi bukan sahaja di kalangan Perpustakaan di dalam negara tetapi juga di peringkat global. Pengaruh dan sumbangan Perpustakaan kepada komuniti dan masyarakat sekeliling turut perlu diperluaskan. Hubungan staf Perpustakaan seperti Pustakawan Pengantara yang kompeten kepada pihak fakulti bukan sahaja membantu staf akademik memperkasakan pengetahuan tetapi juga melonjakkan aktiviti penyelidikan universiti.


### Kesimpulan

Kesimpulannya, Perpustakaan Akademik perlu memantapkan perkhidmatan dan koleksi seiring dengan teknologi secara holistik dan peranannya ke arah pusat kecemerlangan maklumat.

# GOTONG ROYONG PERPUSTAKAAN

**S**etelah lebih empat tahun beroperasi, pihak pengurusan perpustakaan mengambil inisiatif untuk menceriakan suasana tempat kerja staf dengan mengadakan aktiviti gotong royong. Aktiviti gotong royong tersebut adalah mengecat ruang kerja di setiap bahagian/unit. Keputusan ini juga selaras dengan seruan Ybg. Datuk Naib Canselor agar perpustakaan kelihatan lebih ceria selari dengan kehendak generasi Y. Aktiviti mengecat ini bermula pada 22 hingga 26 November 2013 dengan setiap bahagian di perpustakaan telah melaksanakan dengan jayanya. Antara bahagian tersebut adalah Bahagian Pentadbiran, Bahagian Rujukan, Bahagian Perolehan, Bahagian Pengindeksan dan Bahagian Sirkulasi serta Cawangan Kampus Bandar dan Cawangan Kampus Teknologi.

**W**arna yang dipilih di Bahagian Perolehan adalah bertemakan gabungan warna yang lembut dan terang bagi membangkitkan suasana yang tenang dan semangat. Warna pink, kelabu dan hijau turquoise yang dipilih sebagai warna lembut, manakala merah dan kuning bagi warna yang terang. Warna yang dipilih oleh Bahagian Pengindeksan adalah gabungan warna yang lembut dan terang bagi membangkitkan suasana yang tenang dan semangat seperti warna pink dan oren yang dipilih sebagai warna lembut, manakala merah bagi warna yang terang. Antara warna yang telah dipilih oleh Bahagian Rujukan adalah warna oren, merah, dan kuning. Konsep yang telah dipilih adalah berkonsepkan geometri bagi menceriakan ruang kerja Bahagian Rujukan. Sementara warna yang telah dipilih oleh Bahagian Sirkulasi adalah warna jingga dan ungu.



## ANTARA MATLAMAT UTAMA AKTIVITI GOTONG ROYONG INI ADALAH:

Memastikan bahagian/ruang kerja staf kelihatan lebih ceria dan menarik bagi kesejahteraan serta kepuasan dalam bekerja.

### #1

Memupuk kerjasama dan mengeratkan silaturahim antara staf.


### #2

Memupuk perasaan sayang dan menghargai ruang kerja sendiri.



### #3

Percambahan idea dan kreativiti di kalangan staf serta menyokong misi kelestarian Universiti dan Perpustakaan.

### #4



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك



# BENGGKEL BLUE OCEAN STRATEGY : PERPUSTAKAAN

Bengkel Blue Ocean Startegy (BOS) : Perpustakaan telah diadakan buat kali kedua pada 19 hingga 20 Disember 2013. Bengkel ini adalah lanjutan dari bengkel pertama yang telah diadakan pada 19 hingga 20 Jun 2013. Apa yang menarik mengenai bengkel yang kedua ini ialah semua penceramah dan fasilitator adalah terdiri daripada staf Perpustakaan UTeM sendiri yang telah menghadiri bengkel kali pertama. Penceramah dan fasilitator bengkel yang kedua ialah Encik Azman Hj Ayup, Cik Rasida Abu Bakar, Encik Arman Mohammad, Puan Siti Saluwa Jamal dan Encik Mahadir Che Ali. Bengkel ini telah dihadiri seramai 21 orang yang terdiri daripada Pustakawan, Penolong Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan. Antara objektif bengkel tersebut adalah:-



#1

Memberi pengetahuan kepada Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan bagaimana mengaplikasikan Blue Ocean Strategy dalam pengurusan Perpustakaan

#2

Mengenalpasti prinsip-prinsip yang terdapat di dalam Blue Ocean Strategy untuk disesuaikan dengan dunia Perpustakaan dan Kepustakawanan

#3

Memperkenalkan alat-alat (tools) dalam BOS bagi penghasilan inovasi nilai (value innovation)

#4

Mengaplikasikan cara-cara yang kreatif dan inovatif dengan kos yang minima

## PERTUKARAN BAHAGIAN / UNIT

Pihak Pentadbiran Perpustakaan telah bersetuju untuk melaksanakan pertukaran Pustakawan Kanan dan Pustakawan mengikut keperluan selaras dengan inisiatif universiti. untuk melahirkan staf yang kompeten, cekal, setia, berintegriti dan produktif. Pertukaran ini berkuatkuasa pada 20 Disember 2013. Antara yang terlibat adalah;

Nama	Jawatan	Bahagian / Unit Asal	Bahagian / Unit Baru
Encik Azman Hj Ayup	Pustakawan Kanan	Bahagian Pengindeksan	Bahagian Pentadbiran
Encik Arman Mohammad	Pustakawan Kanan	Bahagian Rujukan	Bahagian Pengindeksan
Puan Siti Saluwa Jamal	Pustakawan Kanan	Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar	Bahagian Rujukan
Puan Fauziah Hassan	Pustakawan	Bahagian Pentadbiran	Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar
Puan Mez Zelina Yusof	Pustakawan	Bahagian Rujukan	Bahagian Pentadbiran
Cik Norshahila Che Din	Pustakawan	Unit Automasi	Bahagian Pentadbiran

Semoga dengan pertukaran ini akan memantapkan lagi pengoperasian Perpustakaan UTeM dalam merealisasikan visi dan misi perpustakaan khususnya serta visi dan misi UTeM amnya

## PELAJAR LATIHAN PRAKTIKAL

Pada 2 September 2013, Perpustakaan UTeM telah menerima tiga pelajar latihan praktikal. Mereka adalah Cik Nor Aziah bt Zaini, Cik Nurul'ain bt Mokhtar dan Cik Norsuzila bt Azhari. Kesemuanya pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Maklumat; Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat dari Universiti Teknologi Mara. Latihan ini bermula dari tarikh melaporkan diri sehingga 29 November 2013. Melalui latihan ini, pelajar tersebut akan diberikan jadual penempatan di setiap Bahagian/Unit. Melalui kaedah ini, mereka secara langsung akan mengikuti dan memahami setiap tugas yang dilakukan oleh Bahagian/Unit tersebut. Diharapkan intipati pembelajaran tersebut dapat diaplikasi dalam alam pekerjaan kelak.



## AUDIT PEMANTAUAN

Pada 4 November 2013, telah berlangsung Audit Pemantauan dari pihak SIRIM ke atas Perpustakaan UTeM. Audit Pemantauan kali ini adalah yang kedua setelah Perpustakaan UTeM berjaya mendapatkannya pada 12 Ogos 2011. Audit ini berlangsung selama satu hari dan diketuai oleh Encik Mohammad Hamidi bin Yusop serta dibantu oleh Encik Mohamed Azhar bin Abdul Kadir. Antara objektif audit tersebut adalah;

#1

Mengesahkan Sistem Pengurusan Kualiti organisasi dilaksanakan dan diselenggara secara berkesan menepati keperluan-keperluan yang ditetapkan oleh standard ISO 9001:2008.

#2

Menilai kemampuan sistem pengurusan kualiti dalam memastikan kepatuhan terhadap keperluan statutori, regulatori dan perjanjian kontrak, yang mana berkaitan.

#3

Menilai keberkesanan sistem pengurusan kualiti bagi memastikan organisasi secara berterusan mencapai objektif yang disasarkan.





Bengkel Blue Ocean Strategy  
19 & 20 Disember 2013



Audit Pemantauan SIRIM  
4 November 2013



Majlis Perpisahan Pelajar Praktikal  
29 November 2013








## Kaedah Perolehan Bahan

Bahagian Perolehan merupakan bahagian utama yang menyokong dalam pembangunan dan pematapan koleksi Perpustakaan UTeM samada dalam format bercetak, digital atau atas talian. Misi Bahagian Perolehan adalah menyediakan koleksi perpustakaan yang lengkap dan terkini dalam usaha membantu memberi maklumat dan menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan Universiti dengan objektif :

- Membangunkan koleksi bahan dalam bidang teras Universiti secara komprehensif dan terkini.
- Memastikan koleksi bahan menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan Universiti.
- Memastikan koleksi buku teks atau rujukan umum bersesuaian dengan keperluan kursus dan fakulti/pusat tanggungjawab.

Koleksi bahan di Bahagian Perolehan diperolehi dengan kaedah pembelian, langganan, hadiah & pertukaran dan penyerahan hasil ilmiah UTeM. Skop perolehan bahan adalah seperti berikut:



Koleksi bahan di Bahagian Perolehan diperolehi dengan kaedah pembelian, langganan, hadiah & pertukaran dan penyerahan hasil ilmiah UTeM. Skop perolehan bahan adalah seperti berikut:

### Proses Perolehan Bahan



## PENYEDIAAN SENARAI BAHAN MEDIA

Senarai bahan media diwujudkan atas inisiatif Bahagian Pengindeksan, Perpustakaan UTeM bagi tujuan makluman dan rujukan kepada pengguna mengenai judul koleksi disket, kaset, video dan VCD yang terdapat di dalam perpustakaan. Senarai ini mengandungi koleksi bahan media merangkumi tahun 1992 sehingga 2011. Ini merupakan usaha Bahagian Pengindeksan pada tahun 2013 dalam mempromosi dan memudahkan pengguna dalam mengakses bahan media yang terdapat di dalam koleksi perpustakaan.

Di samping itu, senarai ini dapat membantu pengguna dalam pencarian bahan melalui pelbagai cara dan medium selain bergantung kepada perkhidmatan WebOPAC. Ia juga dapat membantu pengguna ketika masalah server down yang pastinya menyukarkan pengguna dalam mengakses bahan ketika ianya diperlukan.

Senarai bahan media tersebut boleh diakses oleh pengguna dengan nombor panggilan seperti yang tertera di bawah:



JUDUL BAHAN	NOMBOR PANGGILAN
Senarai Tajuk Koleksi Media : Disket	Z688.N6.U54 2013 Raf
Senarai Tajuk Koleksi Media : Kaset	Z688.N6.U55 2013 Raf
Senarai Tajuk Koleksi Media : Video	Z688.N6.U56 2013 Raf
Senarai Tajuk Koleksi Media : VCD	Z688.N6.U57 2013 Raf

Diharapkan semoga senarai ini dapat dimanfaatkan oleh para pengguna untuk mengakses kepada koleksi bahan tersebut dan dapat meningkatkan penggunaan bahan media di kalangan warga universiti selain bergantung kepada bahan bercetak dan pangkalan data.

## SISTEM PEMBEKALAN PENERBITAN

Sistem pembekalan penerbitan (SPP) merupakan satu perkhidmatan yang berasaskan perkongsian maklumat bagi perpustakaan di Malaysia. Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan meminjam bahan asal atau memperolehi bahan salinan yang tidak terdapat di Perpustakaan UTeM dari sumber luar. Pelanggan yang layak mendapat perkhidmatan ini boleh memohon bahan yang diperlukan samada dari dalam atau luar negara. Sebelum ini, SPP dikenali sebagai Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) iaitu satu proses di mana sesebuah perpustakaan memohon untuk meminjam bahan perpustakaan daripada atau membekalkan untuk dipinjamkan bahan perpustakaan kepada perpustakaan lain. Perkhidmatan SPP dibahagikan kepada dua kategori permohonan iaitu permohonan pinjaman bagi buku dan juga artikel. Staf akademik, staf pengurusan/pentadbiran, pelajar, pembantu penyelidik dan pegawai penyelidik di UTeM layak menggunakan perkhidmatan ini sama ada permohonan melalui emel mahupun borang yang disediakan.

Sebagai makluman, perkhidmatan SPP yang dipraktikkan di Perpustakaan UTeM telah diiktiraf antara perkhidmatan terbaik di kalangan IPTA/IPTS di Malaysia. Pegawai dan staf yang terlibat di dalam menguruskan SPP ini telah bertungkus lumus memastikan semua permohonan sama ada dari dalam UTeM mahupun dari pihak luar dipraktikkan mengikut standard operasi sepertimana yang telah didokumenkan di dalam International Standardization of Organization (ISO) sekaligus memastikan kelancaran perkhidmatan ini.

Tahniah! diucapkan di atas usaha keras mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan perkhidmatan ini berjalan lancar sekaligus diangkat antara perkhidmatan pembekalan bahan yang terbaik di kalangan universiti di Malaysia. Pengiktirafan ini akan dijadikan pemangkin untuk terus memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti kepada pengguna Perpustakaan. Pihak Perpustakaan UTeM juga mengalu-alukan warga UTeM untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan ini secara optimum bagi membantu proses pembelajaran dan pengajaran berterusan.

## SOALAN LAZIM

### Siapakah yang layak menggunakan SPP?

Staf dan pelajar UTeM

Staf yang sedang cuti belajar adalah tidak layak untuk menggunakan perkhidmatan ini.

### Apakah jenis bahan yang BOLEH dipinjam melalui SPP?

i. Buku

ii. Artikel jurnal/majalah.

iii. Prosiding seminar, bahan yang tiada di dalam koleksi Perpustakaan UTeM.

### Apakah jenis bahan yang TIDAK BOLEH dipinjam melalui SPP?

Tesis, bahan rujukan, bahan terbitan bersiri seperti majalah, dan jurnal. Walau bagaimanapun, artikel dari majalah atau jurnal boleh difotokopi.

### Berapakah bilangan bahan yang boleh dipinjam dalam satu masa?

Tiada had pinjaman.

### Adakah perkhidmatan ini dikenakan bayaran?

Tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pengguna yang menggunakan perkhidmatan ini.

\*Akta Hakcipta 1987 (Akta 332)

Semua pemohon yang menggunakan perkhidmatan PAP ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan perintah-perintah yang tercatat dalam AKta Hakcipta 1987 (Akta 332)

## PENYERAHAN BAHAN 'INTER LOCATION'

Perpustakaan UTeM melalui Bahagian Sirkulasi menawarkan perkhidmatan penyerahan bahan ke kampus di mana pengguna memerlukan bahan dari kampus tertentu untuk dihantar ke kampus mereka berada. Perkhidmatan 'inter campus' ini dilaksanakan di semua lokasi Perpustakaan UTeM sama ada di Kampus Induk, Kampus Teknologi dan Kampus Bandar.

Secara mudah pengguna Kampus Bandar yang memerlukan bahan Perpustakaan yang berada di Kampus Induk boleh membuat permohonan bagi penghantaran bahan tersebut ke Perpustakaan Kampus Bandar. Perkhidmatan ini tertakluk kepada beberapa syarat asas seperti keradaan bahan, bukan status ditempah pengguna lain, bukan bahan yang tidak boleh dipinjam dan bukan sedang dipinjam oleh pengguna lain.

## MAJLIS BACAAN DOA SELAMAT BAHAGIAN RUJUKAN/MEDIA (OLEH NORSHAHILA CHE DIN)

Pada 29 November 2013, Bahagian Rujukan telah mengadakan Majlis Bacaan Doa Selamat sempena selesainya aktiviti gotong royong mengecat bahagian. Jamuan ringkas juga turut diadakan bagi memeriahkan serta mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di kalangan staf dan Pegawai Bahagian Rujukan/Media

Majlis dimulakan dengan bacaan doa selamat oleh Encik Mohd Mawardi Badruddin diikuti ucapan aluan oleh Ketua Bahagian Rujukan iaitu Encik Arman Mohammad. Majlis ini juga adalah untuk meraikan hari terakhir pelajar latihan praktikal di Perpustakaan UTeM. Peluang beramah mesra ini digunakan sepenuhnya oleh pelajar latihan praktikal untuk bertanyakan dan berkongsi mengenai bidang kepustakawanan dan dunia perpustakaan.



## KEMUDAHAN KAMPUS TEKNOLOGI

Perpustakaan UTeM telah membuka cawangannya di Kampus Industri dan mula beroperasi pada 21 November 2011. Perpustakaan Kampus Industri yang berkeluasan 2,229 meter persegi mampu menampung kapasiti pengguna seramai 400 orang pada satu-satu masa.

Perpustakaan Cawangan Kampus Industri menyediakan beberapa kemudahan seperti;

### a) Bilik Tayangan

Perpustakaan menyediakan bilik tayangan di Kampus Industri yang boleh menampung seramai 60 orang dalam satu-satu masa.



### b) Bilik Perbincangan

Kapasiti pengguna ialah seramai 6 orang ke 8 orang.



### c) Bilik Pangkalan Data

Menyediakan perkhidmatan pencarian maklumat melalui pangkalan data yang dilanggan. Bilangan pengguna ialah seramai 8 orang.



### d) Karel Terbuka

Karel terbuka boleh digunakan pada bila-bila masa sepanjang waktu pengoperasian Perpustakaan.



### e) Kemudahan Fotokopi dan Mencetak

Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan fotokopi yang disediakan dengan menggunakan 2 kaedah :

- i. Pengguna boleh menggunakan sistem kad bernilai RM10 setiap keping
- ii. Pengguna boleh menggunakan dengan memasukkan duit syiling



### f) Kemudahan Internet/Tugasan

Perpustakaan menyediakan ruang perkhidmatan untuk membuat tugas disamping mengakses internet.



## DEMO PANGKALAN DATA ASTM STANDARD & DIGITAL LIBRARY COLLECTION PACKAGE ACADEMIC (OLEH HASLIZA MOHAMED)

Pada 9 Oktober 2013 yang lalu, bertempat di Bilik Pangkalan Data Aras 1, Perpustakaan UTeM dengan kerjasama pihak pembekal United Technology telah mengadakan satu demo berkenaan dengan penggunaan Pangkalan Data ASTM STANDARD & DIGITAL LIBRARY COLLECTION PACKAGE ACADEMIC. Aktiviti ini diadakan rentetan dari cadangan staf akademik agar Perpustakaan UTeM melanggan pangkalan data tersebut.

Latihan bermula dari jam 11.00 pagi sehingga 1.00 tengahari. Seramai 12 orang yang terdiri daripada staf akademik FKM, FTMK, FPTT dan FTK telah hadir untuk mengikuti latihan tersebut yang diterajui oleh Mr. Edward Kennedy dan Mr. Barry Edmond daripada United Technology.

Latihan tersebut dikendalikan secara hands on untuk membolehkan staf akademik dapat berinteraksi secara langsung dengan pihak pembekal berkenaan Pangkalan Data ASTM Standard. Hasil daripada latihan tersebut, ramai staf akademik yang menyarankan agar Perpustakaan UTeM melanggan pangkalan data tersebut sebagai rujukan atas talian untuk menyokong proses pengajaran, pelajaran dan penyelidikan di UTeM. Lanjutan daripada demo tersebut pihak United Technology telah memberikan tempoh cubaan untuk mengakses selama sebulan bermula dari 4 November 2013 sehingga 6 Disember 2013 dan mendapat statistik penggunaan yang baik.

## PROGRAM TAZKIRAH BAHAGIAN PENGINDEKSAN (OLEH NORAINI MOHD NOOR)

Program tazkirah Bahagian Pengindeksan merupakan cetusan idea daripada ketua bahagian iaitu En. Azman Hj Ayup pada penghujung bulan Ogos 2013. Ianya merupakan salah satu aktiviti yang diadakan dalam bahagian selain gotong-royong, potluck dan sebagainya.

Tujuan program tazkirah ini diadakan ialah bertujuan untuk memupuk ukhwah antara staf Bahagian Pengindeksan. Selain itu, dengan adanya tazkirah seumpama ini diharapkan ianya dapat dijadikan sebagai pengisian ilmu dan rohani untuk staf sendiri.

Tazkirah ringkas ini akan mengisi slot bacaan doa pagi pada setiap hari Jumaat. Setiap staf yang terlibat akan diminta untuk bersedia dengan tajuk dan kandungan tazkirah masing-masing.

Berikut adalah jadual tazkirah yang akan mengisi slot bacaan doa pagi setiap hari Jumaat sepanjang tahun 2013.

### JADUAL TAZKIRAH 2013

#### SEPTEMBER

20/09/2013 – AZMAN AMIR

27/09/2013 – MOHAMAD RASHID HJ. JANTAN

#### OKTOBER

04/10/2013 – MAHADIR CHE ALI

11/10/2013 – AHMAD ABU BAKAR

18/10/2013 – THAQIF MOHD ISA

25/10/2013 – NIK SYUKRAN MUIZ RASHID

#### NOVEMBER

01/11/2013 – MOHD ZULFADHLI RAZALY

08/11/2013 – MUAAT MUJI

15/11/2013 – AZMAN HJ. AYUP

22/11/2013 – AZMAN AMIR

29/11/2013 – MOHAMAD RASHID HJ. JANTAN

#### DISEMBER

06/11/2013 – MAHADIR CHE ALI

13/11/2013 – AHMAD ABU BAKAR



20/11/2013 – THAQIF MOHD ISA

27/11/2013 – NIK SYUKRAN MUIZ RASHID

# SELAMAT PENGANTIN BARU



Selamat Pengantin Baru diucapkan kepada Encik Suhaizri bin Kamaruddin, Pembantu Perpustakaan Bahagian Sirkulasi yang telah melangsungkan perkahwinan dengan pasangannya iaitu Puan Rosmira binti Nikmat pada 19 Oktober 2013. Tahniah dan semoga Raja Sehari ini kekal bahagian selamanya.



Encik Khairul Faiz bin Zainal, Penolong Akauntan Bahagian Pentadbiran telah selamat diijab kabulkan dengan pasangannya Puan Siti Norhashimah binti Kolah pada 30 November 2013. Tahniah dan Selamat Pengantin Baru. Semoga pasangan ini berkekalan hingga ke anak cucu.



Pada 16 November 2013 yang lepas, Puan Norshahila binti Che din, Pustakawan Bahagian Rujukan telah selamat dinikahkan dengan Encik Mohd Fahmezam bin Mat Noh. Semoga kedua-dua mempelai berbahagia sehingga ke akhir hayat. Tahniah dan Selamat Pengantin Baru.

